

EDISI JUL - DIS 2023



www.mdyan.gov.my

Menarik
Di dalam ini



Solidariti Palestin



Konvoi Jalur Gemilang



*Program Motivasi Kecemerlangan
Pelajar SPM Peringkat Daerah Yan*




*Perasmian Program Publititi Dan Penyertaan
Awam Rancangan Tempatan Daerah
Yan, Kedah 2035 (Penggantian)*

LESTARI

YAN DAERAH PELANCONGAN DESA

BULETIN



Perutusan YANG DIPERTUA

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kumianya Buletin Lestari dapat diterbitkan untuk tatapan semua pembaca. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada sidang redaksi di atas komitmen dan dedikasi yang diberikan sehingga buletin ini dapat dihasilkan. Sekalung tahniah dan terima kasih juga kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan warga MDY kerana telah sama-sama mengembleng tenaga dalam menjayakan program pentadbiran dan pelancongan daerah Yan.

Secara umumnya, Buletin ini disediakan bertujuan untuk melaporkan segala aktiviti, program yang telah dilaksanakan sepanjang penggal setiap tahun. Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Daerah Yan komited dalam memastikan segala kemudahan infrastruktur dan utiliti awam dapat disediakan dan diselenggara dengan baik untuk kegunaan dan kesejahteraan penduduk di daerah ini. Pelbagai program telah dirangka kepada semua lapisan umur dan ia secara tidak langsung mempromosikan pelancongan Daerah Yan setanding tempat pelancongan lain.

Justeru, penerbitan buletin ini diharap dapat menjadi panduan dan penanda aras bagi setiap program dan aktiviti yang telah dirancang bagi tahun yang akan datang.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua kakitangan Majlis Daerah Yan untuk terus bekerjasama agar kejayaan dan kecemerlangan yang dicapai pada tahun ini dapat dikekalkan dan diteruskan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

MAZNM BINTI ISMAIL, AMK., BCK

Yang Dipertua
Majlis Daerah Yan

"Yan Daerah Pelancongan Desa"



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Maznim binti Ismail, AMK., BCK

PENASIHAT

Mohd Akmal bin Azimi

KETUA EDITOR

Nur Izzati binti Mohd Sabri

MEDIA

Nur Amirah binti Abdul Halim
Shah Rizal bin Mohamad

15 JULAI 2023 (SABTU)

PROGRAM JERAI FUN RUN DI PANTAI MURNI WATERFRONT, YAN, KEDAH

Program Jerai Fun Run ini telah diadakan pada 15 Julai 2023 (Sabtu) bertempat di Pantai Murni Waterfront, Yan, Kedah bermula jam 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aturcara program ini dimulakan dengan aktiviti Senamrobik dan disusuli dengan sesi pelepasan para peserta larian Jerai Fun Run yang melibatkan penyertaan seramai 300 orang peserta termasuk kanak-kanak sejauh 5 kilometer oleh Pegawai Daerah Yan / Yang Dipertua Majlis Daerah Yan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan (Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK), Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan (Puan Amila Binti Ahmad), Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah) / Timbalan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan (Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi), Timbalan Ketua Bahagian UMNO Jerai (Dato' Ir. Mohamed Noor Bin Abu Hassan, DBNS., ANS), Ketua Pemuda UMNO Bahagian Jerai (Encik Azmilrudin Badruddin) dan Pegawai Pertahanan Awam Daerah Yan, Lt(PA) Muhammad Zul Izzi Bin Zulkifli. Program diakhiri dengan sesi cabutan bertuah dengan hadiah utama yang disediakan iaitu sebuah motorsikal.

Program yang berkonsepkan Fun Run ini dianjurkan bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan berorientasi riadah bersama keluarga.

Turut hadir dalam program ini ialah Penolong Pegawai Daerah (Pendaftaran) PDTY, Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Daerah) PDTY dan Penghulu-penghulu mukim Daerah Yan.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Kelab Sukan Rekreasi Luar Jelapang Padi kerana menganjurkan program yang sangat bermanfaat seperti ini khususnya kepada komuniti setempat.

Jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada seluruh jabatan / agensi, masyarakat setempat dan para peserta atas kerjasama padu dan komitmen tinggi yang diberikan dalam memastikan kelancaran dan kejayaan program riadah dan rekreasi ini ke arah pembudayaan gaya hidup sihat yang diadakan di Daerah Yan.



16.07.2023

**PROGRAM JOM TINJAU PRODUK USAHAWAN YAN ANJURAN BIRO
KEUSAHAWANAN DAN KEPENGGUNAAN PUSPANITA CAWANGAN KEDAH**

Program Jom Tinjau Produk Usahawan Yan Anjuran Biro Keusahawanan dan Kepenggunaan PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah Bersama PUSPANITA Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan telah diadakan pada 16 Julai 2023 (Ahad) jam 9.00 pagi bertempat di Kediaman Rasmi, Pegawai Daerah Yan, Yan, Kedah.

Program dimulakan dengan sarapan pagi oleh semua ahli PUSPANITA yang hadir bersama YBhg. Datin Seri Norhasni binti Ishak, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah dan YBhg. Datin Noor Hayati binti Ismail, Pengerusi Biro Keusahawanan dan Kepenggunaan PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah.

Aturcara Program diteruskan dengan lawatan ke Kilang Kopi Cap Raga di Kampung Kabu 10, Sungai Limau Dalam, Yan yang cukup terkenal dan sinonim dengan pengeluaran produk serbuk kopi tradisional kasar dan halus di Negeri Kedah dan seluruh negara. Syarikat ini telah mula ditubuhkan dan beroperasi sejak tahun 1978 oleh Haji Daud bin Haji Husin. Para ahli PUSPANITA yang terlibat turut diberikan penerangan mengenai proses penghasilan serbuk kopi ini oleh Penolong Pengusaha Kilang Kopi Cap Raga iaitu Encik Najmuddin bin Che Amat.

Program Jom Tinjau Produk Usahawan ini kemudiannya diteruskan lagi dengan lawatan ke Kilang Perusahaan Mi Lidi Faiqa di Kampung Tohor. Perusahaan mi ini telah mula ditubuhkan pada tahun 2011 dengan penghasilan dua (2) jenis produk utama iaitu mi lidi dan mi sanggul. Menariknya, kedua-dua produk ini dihasilkan tanpa menggunakan sebarang pewarna, pengawet dan minyak yang menyebabkan mi ini lebih tahan lama.

Seterusnya, ahli-ahli PUSPANITA turut berkesempatan untuk melawat Perusahaan Bahulu Kak Som di Ruat, Yan. Terdapat pelbagai jenis kerepek tradisional dan biskut yang dihasilkan untuk jualan kepada umum. Melalui program pada hari ini, para ahli telah didedahkan dengan pelbagai ilmu keusahawanan yang diperlukan untuk menjadi usahawan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, berinovasi dan berdaya saing.

Bagi memeriahkan majlis penutup Program ini, PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan turut menjemput seorang 'influencer' yang cukup terkenal di media sosial 'Tik Tok' iaitu Puan Siti Asmah Binti Ahmad atau lebih dikenali dengan CTJerai82 yang mempunyai pengikut seramai 315,000. Beliau ini sememangnya sangat dikenali di media sosial Tik Tok kerana keaktifan dan kerajinan beliau dalam mempromosikan kehidupan dan aktiviti beliau bersama di kampung. Puan Siti Asmah turut berkongsi pengalaman tentang pelbagai aktiviti beliau bersama keluarga di kampung dengan semua ahli PUSPANITA yang hadir.

Beliau sebelum ini pernah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ibu Inspirasi sempena Sambutan Hari Ibu Tahun 2023 Peringkat Daerah Yan anjuran PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan pada 14 Mei 2023 lalu bertempat di Dewan Lestari, Guar Chempedak, Yan, Kedah.

Turut hadir di dalam program ini adalah Pegawai Daerah Yan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan (Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK.), Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan (Puan Amila Binti Ahmad), Timbalan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan (Puan Noorul Azzyati Binti Ahmad Salmi), Penolong Pegawai Daerah - Pengurusan Daerah (Cik Afifah Binti Mohd Asri), Ahli- Ahli Jawatankuasa dan para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.



23 JULAI 2023 (AHAD)

BENGGEL KEMAHIRAN KEIBUBAAPAN TABIKA DAN TASKA (SIRI2) KEMAS DAERAH YAN (PARLIMEN JERAI) 2023

Program Bengkel Kemahiran Keibubapaan TABIKA dan TASKA (SIRI 2) KEMAS Daerah Yan Tahun 2023 ini telah diadakan di Dewan Lestari, Guar Chempedak, Yan, Kedah bermula jam 8.00 pagi hingga 12.45 tengah hari.

Aturcara program dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku, Lagu Negeri Kedah dan Lagu KEMAS serta bacaan doa yang dipimpin oleh Encik Khair Amirul Bin Khairur Rijar, Pendidik Masyarakat TABIKA Kampung Kolam 2 Guar Chempedak, Yan dan ucapan aluan oleh Puan Marsyitah Binti Mohamad Radzi, Pegawai KEMAS Daerah Yan.

Ia kemudiannya disusuli dengan Ucapan Perasmian yang disempurnakan oleh Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Puan Amila binti Ahmad.

Turut hadir dalam Bengkel ini Pegawai Daerah Yan / Yang Dipertua Majlis Daerah Yan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan (Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK), Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Daerah) Cik Afifah binti Mohd Asri dan Puan Nur Izzati binti Mohd Sabri, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Daerah Yan merangkap Setiausaha PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Aturcara Bengkel ini seterusnya diteruskan dengan ceramah bertajuk Pendidikan Pemakanan Kanak-kanak oleh Puan Nur Ilhami binti Mat Isa, Pegawai Sains Pemakanan, Klinik Kesihatan Guar Chempedak, Yan dan disusuli dengan ceramah berjudul Perkembangan Awal Kanak-kanak 0-6 Tahun oleh JU Puan Suriati Binti Osman, Pendidik Masyarakat TABIKA KEMAS Kampung Ulu Sedaka serta diikuti dengan pembentangan kumpulan, sesi soal jawab, pertandingan penyediaan makanan sihat dan diakhiri dengan jamuan tengah hari.

Bengkel ini melibatkan 150 orang peserta / waris dari 20 buah TABIKA dan sebuah TASKA KEMAS Daerah Yan termasuk dari TASKA KEMAS D'Manja, TABIKA KEMAS D'Manja, TABIKA KEMAS Kg. Pasir, TABIKA KEMAS Kg. Kepala Bukit, TABIKA KEMAS Batu 18, TABIKA KEMAS Taman Yan, TABIKA KEMAS Kuala Sg Yan, TABIKA KEMAS Sg Yan, TABIKA KEMAS Teroi, TABIKA KEMAS Titi Serong, TABIKA KEMAS

Padang Lumat, TABIKA KEMAS Kg Kubang Pasu, TABIKA KEMAS Kg Sedaka Tengah, TABIKA KEMAS Ulu Sedaka, TABIKA KEMAS Dulang Kechil 1, TABIKA KEMAS Kuala Dulang Besar, TABIKA KEMAS Dulang Kechil 2, TABIKA KEMAS Kg Selengkoh, TABIKA KEMAS Taman Gurun Jaya, TABIKA KEMAS Sungai Badak dan TABIKA KEMAS Pulau Chengai.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada KEMAS Daerah Yan atas penganjuran program yang sangat bermanfaat seperti ini khususnya kepada para ibu bapa / waris dari kalangan masyarakat setempat dalam meningkatkan Kemahiran Keibubapaan masing-masing.

Jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada para penceramah jemputan dan peserta Bengkel atas kerjasama padu dan komitmen tinggi yang diberikan dalam memastikan kelancaran dan kejayaan program Kemahiran Keibubapaan seperti ini di Daerah Yan.

"WANITA SEPAKAT, NEGARA MENINGKAT"





24 JULAI 2023 (ISNIN)

**MAJLIS PENYERAHAN GERAN DAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)
PERINGKAT DAERAH YAN TAHUN 2023**

Majlis Penyerahan Geran dan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Peringkat Daerah Yan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, SPMK., AMK., Menteri Besar Kedah Darul Aman bertempat di Dewan Masjid Al-Wustha, Guar Chempedak, Yan pada 24 Julai 2023 jam 10.30 pagi.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh YB Ustaz Sabri bin Azit (Ahli Parlimen Jerai), Puan Amirah Khairiah binti Abdul Latip (Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pembangunan) mewakili Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah, Al Fadhil Ustaz Mohd Azam Abd.Samat (Mantan YB ADUN Sungai Limau), Al Fadhil Ustaz Mohd Nizam Bin Mohd Noh (Imam Masjid Al Wustho), Puan Noorul Azzyati Binti Ahmad Salmi (KPPD Pengurusan Tanah Yan) / Timbalan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, para Pegawai Tadbir Negeri Kedah, Ketua-Ketua Jabatan / Agensi Daerah Yan, Pegawai APM Daerah Yan, mantan Ahli-ahli Majlis Daerah Yan, para Imam, Mudir, Penghulu Mukim, warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan, para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan dan para Ahli Jawatankuasa serta anak - anak Kariah Masjid Al Wustho.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Negeri Kedah dan disusuli dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Al Fadhil Tuan Syeikh Alwi Bin Othman (Pegawai Agama Daerah Yan). Majlis kemudiannya diteruskan dengan ucapan aluan oleh Pegawai Daerah Yan / Pentadbir Tanah Daerah Yan merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Ucapan Perasmian oleh YAB Menteri Besar Kedah Darul Aman.

Majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan qasidah daripada pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Al-Wustha, Guar Chempedak dan disusuli dengan Majlis Penyerahan Geran kepada 9 orang penerima, penyerahan LPS kepada 83 orang penerima dan penyerahan sumbangan bantuan bencana banjir yang berlaku di Kampung Terai Bukit dan Kampung Titi Teras, Mukim Yan pada 08 Julai 2023 lalu melibatkan 47 orang

penerima yang turut menerima sumbangan kit makanan dari Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Yan.

Majlis ini turut diserikan dengan penyampaian Sijil Pemilihan Daerah Yan sebagai Daerah Angkat Sekolah Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia yang disampaikan oleh Dr. Noranida Binti Mokthsim (Pengerusi Program Pusat Pengajian Kerajaan) kepada Tuan Pegawai Daerah Yan dan disaksikan oleh YAB Menteri Besar Kedah.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian cenderahati, sesi bergambar, lawatan ke booth-booth pameran yang disertai oleh KWSP Sungai Petani, TM Kedah/Perlis, Majlis Daerah Yan, PERKESO, Tabung Haji Guar Chempedak, Pejabat Tanah Yan dan Majlis Daerah Yan diakhiri dengan jamuan tengah hari.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Yan, Majlis Daerah Yan, PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan dan Jawatankuasa Kariah Masjid Al Wustho yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan Majlis Penyerahan Geran dan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi Daerah Yan Tahun 2023 ini.

Jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada seluruh jabatan / agensi, masyarakat setempat dan para penerima geran, LPS dan bantuan bencana atas kerjasama padu dan komitmen tinggi yang diberikan dalam memastikan kelancaran dan kejayaan Majlis ini.



17 OGOS 2023

PROGRAM ASYURA - MERDEKA 1445H/2023M MAJLIS DAERAH YAN

Program Bubur Asyura Perdana Pejabat Daerah dan Tanah Yan anjuran PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Majlis Daerah Yan serta Kelab Kebajikan dan Rekreasi Pejabat Daerah dan Tanah Yan dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid Al Wustha, Guar Chempedak sempena sambutan Maal Hijrah 1445H / 2023M ini diadakan bermula jam 8.30 pagi bertempat di Dewan Masjid Al Wustha, Guar Chempedak, Kedah Darul Aman.

Acara gotong rotong penyediaan bubur asyura ini dimulakan dengan penyediaan bahan-bahan masakan bagi menyediakan kelengkapan untuk 2 kawah bubur.

Setelah bertungkus - lumus memasak, sebanyak 500 bekas bubur asyura berjaya disediakan dan diedarkan kepada jabatan-jabatan dalam Daerah Yan.

Program ini turut disertai oleh Tuan Pegawai Daerah Yan / Yang Dipertua Majlis Daerah Yan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan [Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK.], Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) / Setiausaha Majlis Daerah Yan [Encik Mohd Akmal bin Azimi], Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah) / Timbalan Pengerusi 1 PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan [Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK.], Penolong Pegawai Daerah (Pentadbiran) [Cik Afifah Binti Asri] para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan & Majlis Daerah Yan serta ahli-ahli PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Setelah bertungkus - lumus memasak, sebanyak 500 bekas bubur asyura berjaya disediakan untuk diedarkan kepada jabatan-jabatan berdekatan antaranya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Guar Chempedak, Jabatan Bomba dan Penyelamat Guar Chempedak dan Balai Polis Guar Chempedak serta Jabatan Penerangan Daerah Yan. Turut menerima sumbangan bubur asyura ialah Pejabat Zakat Daerah Yan dan Kolej Komuniti Jerai.

Semoga program bermanfaat seumpama ini diharap dapat mengukuhkan lagi ikatan silaturrahim sesama para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan serta semua yang terlibat.

Didoakan agar kita semua dapat berkumpul dan bertemu lagi dalam pelbagai program dan aktiviti bermanfaat seperti ini pada masa hadapan.





24 OGOS 2023

MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN YANG KE-66 DAN HARI MALAYSIA PERINGKAT DAERAH YAN TAHUN 2023

Majlis Perasmian Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Yang Ke-66 dan Hari Malaysia Peringkat Daerah Yan Tahun 2023 ini diadakan bermula pada jam 11.00 pagi bertempat di Dewan Lestari, Guar Chempedak, Yan, Kedah.

Sempena Majlis Pelancaran ini juga turut diadakan pelbagai aktiviti menarik seperti Konvoi Kembara Merdeka yang disertai seramai 120 orang warga kerja dari pelbagai Jabatan dan Agensi di Daerah Yan serta Pejabat Daerah dan Tanah Yan yang melibatkan sebanyak 25 buah kenderaan Jabatan dan Agensi.

Selain itu, bagi memeriahkan lagi majlis tersebut, turut diadakan pertandingan sukaneka dan mewarna yang disertai oleh para pelajar dan waris dari Tabika KEMAS Cawangan Parlimen Jerai anjuran Pejabat KEMAS Daerah Yan.

Majlis Pelancaran ini bermula dengan ketibaan Tuan Pegawai Daerah Yan bersama Dif-Dif jemputan dan para peserta Konvoi Kembara Merdeka yang terdiri dari para Ketua Jabatan serta wakil dari pelbagai Jabatan dan Agensi di Daerah Yan dan diteruskan dengan nyanyian lagu - lagu Negaraku dan Allah Selamat Sultan.

Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan Yang Ke-66 dan Hari Malaysia Peringkat Daerah Yan Tahun 2023 ini telah dirasmikan oleh Tuan Pegawai Daerah Yan / YDP Majlis Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK.

Majlis Pelancaran ini kemudiannya diteruskan dengan Penyerahan Bendera Jalur Gemilang kepada para Ketua Jabatan dan Agensi di Daerah Yan bagi tujuan menyemarakkan lagi semangat dan Sambutan Kemerdekaan Yang Ke-66 dan Hari Malaysia.

Majlis Pelancaran ini turut diserikan lagi dengan Bacaan Ikrar Rukun Negara dan beberapa persembahan menarik daripada para pelajar Tabika KEMAS Parlimen Jerai serta nyanyian lagu patriotik oleh semua tetamu yang hadir pada Majlis Pelancaran tersebut.

Setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua jabatan / agensi yang telah membantu dalam menjayakan dan memeriahkan penganjuran majlis ini.

Turut hadir dalam majlis ini ialah YB Ahli Parlimen Jerai (YB Ustaz Sabri Bin Azit), Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Kedah (Tuan Haji Ahmad Puat Bin Haji Junus), Pegawai Agama Daerah Yan (Tuan Syeikh Alwi Bin Othman, BCK.), Ketua Penolong Pegawai Daerah - Pengurusan Tanah (Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK.), Ketua Penolong Pegawai Daerah - Pembangunan) / Setiausaha Majlis Daerah Yan (Encik Mohd Akmal Bin Azimi), Penolong Pegawai Daerah - Pendaftaran (Encik Mohammad Afifi Bin Mohammad), Penolong Pegawai Daerah - Pengurusan Daerah (Puan Afifah Binti Mohd Asri), Ketua-Ketua / wakil Jabatan dan Agensi di Daerah Yan, para Penghulu Mukim Daerah Yan, Ahli-ahli Jawatankuasa Program, Guru-Guru Tabika KEMAS Parlimen Jerai, para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan, para warga kerja Majlis Daerah Yan dan para waris serta pelajar Tabika KEMAS Parlimen Jerai.



24 OGOS 2023

MAJLIS BACAAN YASIN, TAHLIL DAN CERAMAH KHAS SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN YANG KE-66 DAN HARI MALAYSIA PERINGKAT DAERAH YAN TAHUN 2023

Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Ceramah Khas Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Yang Ke-66 dan Hari Malaysia Peringkat Daerah Yan ini telah diadakan bermula pada jam 6.30 petang bertempat di Masjid Al- Ridhwan, Kuala Sungai Daun, Mukim Sungai Daun, Yan, Kedah.

Majlis ini dimulakan dengan Bacaan Yasin dan Tahlil yang dipimpin oleh Tuan Pegawai Agama Daerah Yan, Tuan Syeikh Alwi Bin Othman, BCK. dan di susuli dengan Solat Maghrib berjamaah.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk Hijrah dan Merdeka yang disampaikan oleh Dekan Kuliyyah Usuluddin dan Sains Al-Quran (UniSHAMS), YBrs. Dr. Syeikh Mohamad Hazli Bin Ismail Al-Hafiz.

Majlis ini diadakan bagi sama - sama mendoakan agar kesejahteraan Negeri Kedah dan negara Malaysia yang tercinta ini sentiasa berada dalam keadaan aman dan makmur serta sentiasa dilindungi dan dirahmati oleh Allah s.w.t.

Majlis ini telah dihadiri oleh Pegawai Daerah Yan / Yang Dipertua Majlis Daerah Yan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK.

Antara para tetamu jemputan lain yang turut hadir termasuklah YB Ustaz Sabri Bin Azit (Ahli Parlimen Jerai), wakil YB ADUN Sungai Limau, wakil YB ADUN Guar Chempedak, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) / Setiausaha MDY, Penolong Pegawai Daerah (Pendaftaran), wakil Ketua Polis Daerah Yan, wakil Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Yan, wakil Pegawai APM Daerah Yan, Pegawai Agama Daerah Yan, para ketua / wakil pelbagai jabatan / agensi di Daerah Yan, para Penghulu Mukim, para warga kerja PDTY dan MDY, para AJK dan warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan serta para Ahli Jawatankuasa dan anak-anak Kariah Masjid Al-Ridhwan, Kuala Sungai Daun, Mukim Sungai Daun, Yan, Kedah.

Setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada seluruh jabatan / agensi di Daerah Yan serta para Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid Al- Ridhwan Kuala Sungai Daun, Yan, Kedah di atas kerjasama padu dan komitmen tinggi yang diberikan dalam memastikan kelancaran dan kejayaan Majlis ini yang merupakan anjuran bersama Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Pejabat Agama Daerah Yan.



28. 09.09.2023

PROGRAM BAKTI RAKYAT: RESTORASI KARANG DAN PEMBERSIHAN PANTAI PULAU SONGSONG

Program Bakti Rakyat telah diadakan di Pulau Songsong, Yan, Kedah anjuran Bank Rakyat bersama Majlis Daerah Yan seramai 70 peserta.

Program dimulai dengan Taklimat Keselamatan oleh Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Yan iaitu PPgB Noorhamidi Bin Ali sebelum menaiki bot ke Pulau Songsong. Setibanya di sana, ucapan aluan disampaikan oleh Pengarah Utara Bank Rakyat, Syed Nasser Hussain bin Syed Othman Ali dan seterusnya En Mohd Akmal bin Azimi, Setiausaha Majlis Daerah Yan.

Manakala taklimat konservasi karang di berikan oleh En Mohd Fadil Bin Yunasri, Pembantu Laut, Jab Perikanan. Seterusnya taklimat ringkas perjalanan program diberikan oleh Ir Haji Mohd Nazri bin Hj Din, Timbalan Pengerusi Persatuan Jurupandu Jerai Geopark dan acara kemuncak program adalah restorasi karang di mana 6 buah mesin ATM bank rakyat di jadikan sebagai tukun. Seramai 8 orang penyelam yang diketuai oleh En Mohd Saufi bin Abdul Halim dan beberapa penyelam dari Unit Selam Angkatan Pertahanan Awam Negeri Kedah, Persatuan Jurupandu Jerai Geopark dan Bank Rakyat telah membantu untuk menurunkan tukun ATM yang diikat hard coral di sekeliling utk dilepaskan ke dasar.

Aktiviti seterusnya adalah taklimat berkaitan Jerai Geopark yang disampaikan oleh Megat Ali bin Sobri, Jurupandu Jerai Geopark dan aktiviti pembersihan pantai. Sebanyak 191.5kg sampah berjaya dikutip dan telah dikumpul untuk dibawa pulang.

Turut sama dalam menjayakan program tersebut adalah Tuan Setiausaha MDY, Ketua Balai Bomba Yan, Wakil Balai Bomba Guar, Timbalan Pegarah Pertahanan Awam Negeri Kedah, Pegawai Pertahanan Awam Daerah Yan, Wakil Jabatan Perikanan, Persatuan Jurupandu Jerai Geopark, Unit Selam APM, Pengurus dan Kakitangan Bank Rakyat Gurun serta beberapa Malim Gunung.

Terima kasih kepada semua yang menjayakan program Bakti Rakyat 2023. Kepada pengunjung Pulau Songsong, bawa pulang sampah bersama anda. Marilah sama-sama menjaga kebersihan dan keindahan Pulau Songsong untuk generasi yang akan datang.





10 SEPTEMBER 2023

**PERARAKAN BOT BERHIAS & KAYUHAN SANTAI KEMBARA MERDEKA
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-66 DAN HARI MALAYSIA
PERINGKAT DAERAH YAN TAHUN 2023**

Program Perarakan Bot Merdeka Dan Kembara Merdeka (Kayuhan Santai) Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-66 Dan Hari Malaysia Peringkat Daerah Yan Tahun 2023 telah diadakan pada 10 September 2023 bermula di Sekolah Kebangsaan Langkasuka ke Pantai Murni Waterfront, Yan, Kedah.

Semua peserta Kayuhan Santai Kembara Merdeka yang terdiri dari 70 orang murid dan 30 orang guru pengiring telah berkumpul di Sekolah Kebangsaan Langkasuka seawal jam 7.30 pagi. Pelepasan para peserta Kayuhan Santai Kembara Merdeka ini telah disempurnakan pada jam 8.30 pagi oleh Pegawai Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK. bersama YB Ustaz Mohd Azam Bin Abd Samat, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah merangkap ADUN Sungai Limau dan YB Abdul Ghafar Bin Saad, ADUN Guar Chempedak.

Program kemudiannya diteruskan pada jam 10.15 pagi dengan perlepasan Perarakan Konvoi Bot Merdeka oleh Encik Mohd Akmal Bin Azimi , KPPD Pembangunan PDTY dan sesi bergambar bersama para peserta Konvoi Bot Merdeka. Kesemua bot ini bergerak dari Jeti Kuala Sungai Udang ke Pantai Murni.

Majlis Perasmian Program kemudiannya diteruskan dengan nyanyian Lagu Negaraku dan Allah Selamat Sultan, ikrar Rukun Negara dan bacaan doa serta ucapan perasmian oleh Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah AMK., BCK. Pegawai Daerah Yan merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Yan.

Program diserikan dengan persembahan nyanyian oleh pelajar Sekolah Kebangsaan Langkasuka, persembahan syair oleh pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Yan, persembahan nyanyian oleh pelajar Sekolah Kebangsaan Hj Hussin Dol dan persembahan nyanyian oleh pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Chempedak dan disusuli dengan pengumuman para pemenang Pertandingan Hiasan Basikal Tercantik bagi para peserta Kayuhan Santai Kembara Merdeka yang terlibat.

Turut hadir dalam program ini ialah Puan Noorul Azzyati Binti Ahmad Salmi (KPPD Pengurusan Tanah Yan), Encik Mohd Akmal Bin Azimi (KPPD Pmbgnan Yan), Encik Mohammad Afifi bin Mohammad (Penolong Pegawai Daerah - Pendaftaran) , Cik Afifah Binti Mohd Asri (Penolong Pegawai Daerah - Pengurusan Daerah), Puan Amila Binti Ahmad (Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan), para ketua jabatan / agensi Daerah Yan, para Penghulu Mukim Daerah Yan, wakil Pengurus HCS Realty Sdn Bhd, semua warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan serta para penduduk setempat.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada semua jabatan / agensi atas segala sumbangan dan kerjasama padu yang diberikan dalam memastikan kelancaran dan kejayaan program ini.



**PERARAKAN BOT BERHIAS
& KAYUHAN SANTAI KEMBARA MERDEKA**
Sempena
**SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-66 DAN
HARI MALAYSIA PERINGKAT DAERAH YAN TAHUN 2023**

10 SEPTEMBER 2023 | AHAD | 9.00 PAGI
PANTAI MURNI WATERFRONT, YAN, KEDAH DARUL AMAN

- Pertandingan Hiasan Bot Sempena Merdeka
- Pertandingan Hiasan Basikal Murni Sempena Merdeka
- Pameran Jabatan / Agensi
- Pemeriksaan Kesihatan
- Persembahan Istimewa

SEMUA DIJEMPUT HADIR

SCAN ME!

17 SEPTEMBER 2023 (AHAD)

PROGRAM SANTAI GEOPARK @ PULAU BUNTING SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA PERINGKAT DAERAH YAN TAHUN 2023 – RM 2000

Program Santai Geopark @ Jambatan Pulau Bunting Sempena Sambutan Hari Malaysia Peringkat Daerah Yan Tahun 2023 telah diadakan pada 17 September 2023 (Ahad) bertempat di Jambatan Pulau Bunting, Yan, Kedah.

Semua peserta telah mula berkumpul di laluan masuk ke Jambatan Pulau Bunting seawal jam 7.30 pagi dan dimulakan dengan acara senamrobik tepat pada jam 8.00 pagi dan diikuti dengan acara “Flag Off” untuk Fun Walk hingga ke hujung Jambatan Pulau Bunting yang disempurnakan bersama oleh Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK. selaku Pegawai Daerah Yan / YDP Majlis Daerah Yan bersama YB Ustaz Sabri Bin Azit, Ahli Parlimen Jerai dan Puan Amila Binti Ahmad, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Acara Funwalk ini berlangsung dengan kehadiran lebih 1000 orang peserta terdiri dari para pelajar dan murid dari 8 buah sekolah sekitar Daerah Yan, para warga kerja dari pelbagai jabatan / agensi Daerah Yan dan Negeri Kedah serta pelbagai lapisan masyarakat.

Para peserta funwalk kemudiannya berkumpul di pertengahan Jambatan Pulau Bunting untuk menyaksikan perarakan 66 buah bot berhias Jalur Gemilang di samping acara Kuiz Kenegaraan yang menawarkan pelbagai hadiah sampingan kepada para peserta funwalk.

Semua peserta kemudiannya bergerak menuju ke hujung Jambatan di Pulau Bunting untuk acara Perasmian Program Santai Geopark @ Jambatan Pulau Bunting ini yang dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku dan Allah Selamat Sultan, ikrar Rukun Negara dan bacaan doa.

Program kemudiannya diteruskan dengan acara GeoTalk iaitu sesi taklimat ringkas berkenaan Jerai Geopark yang disampaikan oleh wakil Persatuan Juru Pandu Jerai Geopark.

Aturcara Program kemudiannya diteruskan dengan Ucapan Perasmian oleh Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK. Pegawai Daerah Yan / Yang Dipertua Majlis Daerah Yan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Program seterusnya dimeriahkan dengan pengumuman bagi para pemenang hadiah pertandingan bot berhias dan cabutan bertuah bagi semua peserta yang terlibat.

Pelbagai hadiah Cabutan Bertuah telah disediakan antaranya barangan hamper, kupon diskaun Marrybrown dan barangan elektronik. Selain itu, semua peserta program funwalk turut menerima sijil penyertaan masing - masing.

Turut serta dalam program ini ialah para wakil YB ADUN Sungai Limau dan YB ADUN Guar Chempedak, Puan Noorul Azzyati Binti Ahmad Salmi (KPPD Pengurusan Tanah) / Timbalan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Encik Mohd Akmal Bin Azimi (KPPD Pembangunan), wakil Syarikat MMC Corporation / SKS Development, wakil Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat SUK Kedah, para Penghulu Mukim, para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan, para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, para wakil media cetak dan elektronik serta para komuniti nelayan dan masyarakat setempat.

Setinggi - tinggi tahniah dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada semua jabatan / agensi peringkat Daerah Yan dan Negeri Kedah, Syarikat MMC Corporation dan SKS Development, PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, para komuniti nelayan serta semua pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan kelancaran dan kejayaan program ini.





07 OKTOBER 2023 (SELASA)

PROGRAM FUN WALK SEMPENA BOMBA BERSAMA KOMUNITI YAN – RM 1000

Balai Bomba Dan Penyelamat Yan telah ditugaskan untuk keselamatan dan Fun Walk. Dengan kerjasama RELA Daerah Yan RELA YAN alhamdulillah semuanya berjalan lancar. Semasa majlis perasmian Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah telah membuat kejutan penghargaan kepada Pegawai Daerah Yan yang akan bertukar ke Langkawi.



12 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAZKIRAH SEMPENA MENGIMARAHKAN KEDIAMAN RASMI PUAN PEGAWAI DAERAH MERANGKAP YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH YAN

Majlis Bacaan Yassin dan Tazkirah Sempena Mengimarahkan Kediaman Rasmi Puan Pegawai Daerah Yan merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Yan ini telah diadakan pada jam 6.00 petang bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Yan, Yan.

Majlis ini dimulakan dengan ucapan aluan Puan Pegawai Daerah Yan/ Merangkap Yang Dipertua MDY, kemudiannya disusuli dengan sesi tazkirah oleh Pegawai Agama Daerah Yan, Tuan Syeikh Alwi bin Othman, BCK. Majlis kemudiannya diteruskan dengan solat maghrib berjemaah serta bacaan yassin.

Turut hadir di dalam majlis ini ialah Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) Yan / Setiausaha MDY, Encik Mohd Akmal bin Azimi, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Daerah), Cik Afifah binti Mohd Asri, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pendaftaran), Encik Mohamad Afifi bin Mohamad serta seluruh Warga Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan.



14 OKTOBER 2023 (SABTU)

**MINI KARNIVAL SUKAN SEMPENA HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT DAERAH
YAN TAHUN 2023 – RM 1500**

Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Yan Tahun 2023 ini telah diadakan pada 14 Oktober 2023 bermula jam 8.30 pagi bertempat di Dewan Lestari, Guar Chempedak, Yan, Kedah. Hari sukan tersebut telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Yan, Puan Maznim binti Ismail, AMK., BCK.



16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

LAWATAN YB EXCO PELANCONGAN DAN BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI (BPEN) KEDAH KE TAPAK JERAI GEOPARK

Lawatan YB Exco Pelancongan Dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (Bpen) Kedah Ke Tapak Jerai Geopark ini telah diadakan pada 16 Oktober 2023 pada jam 4.30 petang bertempat di The Jerai Hill Resort, Yan, Kedah. Lawatan tersebut dihadiri oleh Pegawai Daerah Yan, Puan Maznim binti Ismail, AMK., BCK. dan pegawai-pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Yan dan Majlis Daerah Yan.



24 OKTOBER 2023 (SELASA)

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH YAN, KEDAH 2023 (PENGANTIAN)

Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam Rancangan Tempatan Majlis Daerah Yan, Kedah 2023 (Pengantian) ini telah diadakan pada jam 10.00 pagi bertempat di Dewan Lestari, Guar Chempedak.

Majlis Daerah Yan sebagai tuan rumah telah terlibat secara langsung bersama Unit Rancangan Pemajuan bagi Majlis Perasmian Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Rancangan Tempatan Majlis Daerah Yan, Kedah 2023 (Pengantian) juga bersama Pejabat Projek Zon Utara. Majlis perasmian ini juga adalah sebagai kemuncak kepada Program Publisiti Dan Penyertaan Awam yang telah pun berlangsung semenjak 1 Oktober 2023 dan akan berakhir pada 31 Oktober 2023 nanti.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Pegawai Agama Daerah Yan, Tuan Syeikh Alwi bin Othman, BCK., seterusnya ucapan aluan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Yan, Puan Maznim binti Ismail, AMK., BCK., dan disusuli dengan ucapan Encik Mohd Munizam Bin Abd Aziz, Pengarah PLANMalaysia Kedah mewakili Ketua Pengarah PLANMalaysia.

Majlis perasmian kemudiannya disempurnakan oleh Yang Berhormat Ustaz Mohd Azam Bin Abd Samad, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Agama, Komunikasi dan Penerangan Negeri Kedah mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah.

Majlis ini turut diserikan dengan persembahan silat dan juga muzik gendang mewakili tradisi dan budaya tempatan Daerah Yan. Terdapat juga pameran-pameran produk tempatan Daerah Yan dari Bujang's Natural, Creative Village, pemaju MMC Port, perunding ANZ Planners Sdn. Bhd. serta pameran dari jabatan sendiri yang mempamerkan Laporan Pembangunan Semula Kawasan Rekreasi Titi Hayun, Seri Perigi Dan Batu Hampar yang telah diintegrasikan ke dalam Rancangan Tempatan Majlis Daerah Yan, Kedah 2023 (Pengantian) ini.

Tema Pembangunan Daerah Yan adalah Yan Lestari dengan hala tuju pembangunan Yan Daerah Pelancongan Desa, Zon Pengeluaran Makanan Negara, Hab Industri Gas dan Petroleum Yang Lestari, Berdaya Tahan dan Berdaya Huni.

Orang ramai masih berpeluang untuk menyemak laporan serta mengemukakan bantahan/cadangan di lokasi pameran yang sedang dijalankan.

Turut hadir ke majlis ini adalah Puan Maznim Binti Ismail, Yang Dipertua Majlis Daerah Yan, Yang Berhormat Encik Abdul Ghafar Saad, ADUN Guar Chempedak, Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Fauzi Bin Haji Mohd Mustapha, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Kedah, Yang Berusaha Encik Mohd Munizam Bin Abd Aziz, Pengarah PLANMalaysia Kedah mewakili Ketua Pengarah PLANMalaysia, Yang Berusaha Puan Noraida Binti Abdul Rani, Pengarah Pejabat Projek Zon Utara serta ketua-ketua jabatan peringkat persekutuan dan negeri, Ahli-Ahli Majlis, wakil-wakil PBT, wakil-wakil komuniti setempat, wakil-wakil pihak berkepentingan, wakil-wakil pusat pengajian dan wakil-wakil perunding.



16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

PROGRAM SINGGAH PAGI – RM 500

(Pelbagai Jualan Bahan Mentah dan Makanan)

Masa : 8.00 Pagi - 1.00 Tengah Hari

Tempat : Perkarangan Majlis Daerah Yan Dapatkan

dengan harga istimewa:-

- Ikan Segar (Jualan AGRO Madani)
- Daging Tempatan
 - Daging RM33/Kg
 - Tulang RM28/Kg
- Buah-buahan
- Makan Vendor hampir 30 ++ jenis dengan Harga Rahmah (RM2-RM5)
- Minuman Cofee Antler
- Makanan Sate
- Roti wap pelbagai perisa









19 NOVEMBER 2023 (AHAD)

**PROGRAM BEACH CLEAN UP PULAU SONGSONG, YAN KEDAH DARUL AMAN
DAN LAWATAN PULAU – RM 5000**

Lawatan Pegawai Daerah Yan/Yang Dipertua MDY Bersama YB EXCO Pelancongan, Kebudayaan dan Keusahawanan Ke Pulau-Pulau di Daerah Yan telah berlangsung pada 19 November 2023 (Ahad).

Lawatan dimulakan dengan penerangan ringkas oleh Encik Mohd Subhi Bin Omar selaku Pemandu Pelancong berkaitan lawatan ini pada jam 8.00 pagi.

Kehadiran seramai 65 orang peserta terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan daripada Pejabat EXCO Pelancongan, Kebudayaan dan Keusahawanan Negeri Kedah, Pejabat EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Bahagian Perancang Ekonomi (BPEN), Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Pejabat Daerah dan Tanah Yan, dan Majlis Daerah Yan.

Turut hadir bersama semasa lawatan ini YB Halimaton Saadiah Binti Saad (EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), YB Abdul Ghafar Bin Saad (ADUN Guar Chempedak, Puan Maznim Binti Ismail (Pegawai Daerah Yan/Yang Dipertua MDY), Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi (Ketua Penolong Pegawai Daerah – Pengurusan Tanah), Encik Mohd Akmal Bin Azimi (Ketua Penolong Pegawai Daerah – Pembangunan), Encik Mohmmad Afifi Bin Mohammad (Penolong Pegawai Daerah - Pendaftaran), Puan Afifah Binti Mohd Asri (Penolong Pegawai Daerah – Pengurusan Daerah, para Penghulu Mukim dan para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Ketua-Ketua Jabatan MDY.

Lawatan dimulai dari Jeti Sungai Udang Yan dan antara pulau-pulau yang dilawati ialah Pulau Bunting, Pulau Bidan, Tuas Darat, Pulau Telor, Tukun Terendak dan Pulau Songsong yang merupakan pulau yang terdapat dalam Kawasan Jerai Geopark.

Setinggi - tinggi tahniah dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada semua jabatan / agensi peringkat Daerah Yan serta semua pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan kelancaran dan kejayaan program ini.



12 DISEMBER 2023 (SELASA)

**PROGRAM SOLIDARITI PALESTIN “ JOM JALAN MALAM” PERINGKAT DAERAH
YAN TAHUN 2023 – RM 4000**

Program Solidariti Palestin Jom Jalan Malam Peringkat Daerah Yan ini telah diadakan pada jam 8.00 malam bermula dari di Masjid Jame' Badlishah, Pekan Yan hingga ke Pantai Murni Waterfront dan dibuat pelepasan oleh YB Ustaz Mohd Azam bin Abd Samat serta Pegawai Daerah Yan/Yang Dipertua MDY, Puan Maznim binti Ismail.

Program dimulakan dengan persembahan pentomen dan sajak bertemakan Solidariti Palestin oleh anak-anak pelajar SMITI Darul Izzah seterusnya ucapan aluan oleh Puan Pegawai Daerah Yan/Yang Dipertua MDY dan disusuli dengan ucapan oleh YB Ustaz Azam bin Abd Samat.

Program diakhiri dengan bacaan Doa Qunut Nazilah yang diketuai oleh Ustaz Mohd Nizam bin Mohd Noh, Imam Masjid Al-Wustha Guar Chempedak merangkap Ketua Whip Ahli Majlis Daerah Yan.

Tujuan program ini diadakan kerana terkesan dengan situasi yang sedang hangat berlaku sekarang ini di mana ianya menyentuh isu kemanusiaan yang sedang dihadapi oleh saudara kita serta memupuk kesedaran semangat perjuangan bersama di bumi Palestin khususnya di Gaza.

Turut hadir dalam program ini ialah Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)/ Setiausaha MDY, Encik Mohd Akmal bin Azimi, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan), Cik Afifah binti Mohd Asri, Pegawai Pertahanan Awam Daerah Yan, LT (PA) Muhammad Zul Izzi bin Zulkifli, Ahli-Ahli Majlis MDY, Penghulu Mukim Yan, Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Daerah Yan, Ahli PUSPANITA Daerah Yan dan Para Warga Majlis Daerah Yan serta Pejabat Daerah dan Tanah Yan.





www.mdyan.gov.my
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Majlis Daerah Yan